

LAPORAN TAHUNAN 2004 *ANNUAL REPORT*



AMANAH HARTA TANAH PNB

Kandungan

Contents

Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	- 2 - 3
Lembaga Pengarah <i>Board of Directors</i>	- 4
Pengurusan <i>Management</i>	- 5
Kenyataan Pengerusi <i>Chairman Statement</i>	- 6
Penyata Butir-Butir Pengarah Syarikat Pengurusan <i>Statement of Particulars of Directors of The Management Company</i>	- 10
Profil Pengarah-Pengarah Syarikat Pengurusan <i>Profile of Directors of The Management Company</i>	- 13
Data Prestasi <i>Performance Data</i>	- 17
Komposisi Portfolio Pelaburan <i>Composition of Investment Portfolio</i>	- 18
Pemegangan Unit dan Harga Pasaran <i>Unit Holdings and Market Price</i>	- 19
Harga Pasaran <i>Market Price</i>	- 19
Portfolio Hartanah <i>Property Portfolio</i>	- 20
Analisis Pemegangan Unit <i>Analysis of Unit Holdings</i>	- 23
Penyata Kewangan <i>Financial Statements</i>	- 26 - 55

Maklumat Korporat

PENGURUS

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (175967-W)
(Diperbadankan di Malaysia)

PEJABAT BERDAFTAR PENGURUS

Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Telefon: 03-20505100
Faksimili: 03-20505221
Emel: phnb@pnb.com.my

LEMBAGA PENGARAH PENGURUS

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (Pengerusi)
Tan Sri Geh Ik Cheong
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil
Dato' Abd. Wahab bin Maskan
Dato' Mohammed Hussein
Mohamed Rahim bin Ismail

SETIAUSAHA SYARIKAT PENGURUS

Meriam binti Haji Yaacob
(LS 00115)

PENGURUSAN PENGURUS

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan)

Mohamed Rahim bin Ismail
(Ketua Pegawai Eksekutif)

Mior Abdul Rahman bin Miou Mohd Khan
(Penolong Naib Presiden)

PEMEGANG AMANAH

Amanah Raya Berhad (344986-V)
Tingkat 9
Wisma Amanah Raya Berhad
No. 15, Jalan Seri Semantan 1
Off Jalan Semantan
50490 Kuala Lumpur

PENGURUS PELABURAN

Permodalan Nasional Berhad (38218-X)
Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

PENGURUS HARTANAH

PNB Property Management Sdn Berhad (176509-D)
Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

PENDAFTAR TABUNG AMANAH YANG MENGURUSKAN PENDAFTARAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Symphony Share Registrars Sdn. Berhad (378993-D)
Tingkat 26, Menara Multi-Purpose Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Telefon : 03-27212222

JURUAUDIT

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad (AF 0002)

PEGUAMCARA YANG MENASIHATKAN PENGURUS BERKENAAN DENGAN TABUNG AMANAH

Tetuan Zainal Abidin & Co.

BANK-BANK TABUNG AMANAH

Malayan Banking Berhad (3813-K)
Bumiputra-Commerce Bank Berhad (13491-P)

PENYENARAIAAN BURSA SAHAM

Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur)



Corporate Information

MANAGER

*Pelaburan Hartanah Nasional
Berhad (175967-W)
(Incorporated in Malaysia)*

REGISTERED OFFICE OF THE MANAGER

*4th. Floor, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-20505100
Fax : 03-20505221
Email : phnb@pnb.com.my*

BOARD OF DIRECTORS OF THE MANAGER

*Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji
bin Abdul Hamid (Chairman)
Tan Sri Geh Ik Cheong
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah
bin Che Othman
Dato' Seri Mohd. Hussaini
bin Haji Abdul Jamil
Dato' Abd. Wahab bin Maskan
Dato' Mohammed Hussein
Mohamed Rahim bin Ismail*

SECRETARY OF THE MANAGER

*Meriam binti Haji Yaacob
(LS 00115)*

MANAGEMENT OF THE MANAGER

*Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah
bin Che Othman
(President and Group Chief
Executive)*

*Mohamed Rahim bin Ismail
(Chief Executive Officer)*

*Mior Abdul Rahman
bin Miou Mohd Khan
(Assistant Vice-President)*

TRUSTEE

*Amanah Raya Berhad (344986-V)
9th. Floor
Wisma Amanah Raya Berhad
No. 15, Jalan Seri Semantan 1
Off Jalan Semantan
50490 Kuala Lumpur*

INVESTMENT MANAGER

*Permodalan Nasional Berhad
(38218-X)
4th. Floor, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur*

PROPERTY MANAGER

*PNB Property Management
Sdn Berhad
4th. Floor, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur*

REGISTRAR OF THE TRUST IN CHARGE OF THE REGISTER OF UNITHOLDERS

*Symphony Share Registrars
Sdn. Berhad (378993-D)
26th. Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03-27212222*

AUDITORS

*Tetuan Hanafiah Raslan &
Mohamad (AF 0002)*

SOLICITORS ADVISING THE MANAGER IN CONNECTION WITH THE TRUST

Tetuan Zainal Abidin & Co.

BANKERS FOR THE TRUST

*Malayan Banking Berhad
(3813-K)
Bumiputra-Commerce
Bank Berhad (13491-P)*

STOCK EXCHANGE LISTING

*Bursa Malaysia Securities Berhad
(formerly known as
Kuala Lumpur Stock Exchange)*

Lembaga Pengarah *Board Of Directors*



- Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (Pengerusi / *Chairman*)



Dari Kiri / *From Left:*

- Tan Sri Geh Ik Cheong
- Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
- Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil



Dari Kiri / *From Left:*

- Dato' Abd. Wahab bin Maskan
- Dato' Mohammed Hussein
- Mohamed Rahim bin Ismail



Pengurusan *Management*



Dari Kiri/ *From Left:*

- Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman,
(Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/
President & Group Chief Executive)
- Meriam binti Haji Yaacob,
(Setiausaha Syarikat/
Company Secretary)



Dari Kiri/ *From Left:*

- Mohamed Rahim bin Ismail,
(Pengarah Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif/
Executive Director & Chief Executive Officer)
- Mior Abdul Rahman bin Miou Mohd Khan,
(Penolong Naib Presiden/
Assistant Vice-President)



Kenyataan Pengerusi *Chairman's Statement*

TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID

Bagi pihak Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), selaku Pengurus kepada Amanah Harta Tanah PNB (AHP), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun AHP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, AHP telah merekodkan pendapatan berjumlah RM12.22 juta, mewakili sedikit penurunan sebanyak 2.9% berbanding dengan jumlah pendapatan yang dicapai untuk tahun kewangan sebelumnya yang berjumlah RM12.59 juta. Penurunan ini diakibatkan oleh kerugian tidak nyata keatas penilaian saham disebutarga berjumlah RM0.416 juta yang dicatatkan pada tahun 2004 berbanding dengan keuntungan tidak nyata berjumlah RM0.019 juta yang dicatatkan pada tahun 2003.

On behalf of the Board of Directors of Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), as the Manager of Amanah Harta Tanah PNB (AHP), it is my pleasure to present the Annual Report and Accounts of AHP for the year ended December 31, 2004.

FINANCIAL RESULTS

For the financial year ended December 31, 2004, AHP recorded a total income of RM12.22 million which represents a slight decrease of 2.9% as compared with the previous year's figure of RM12.59 million. The decrease was mainly attributed by the unrealised loss on the valuation of quoted shares of RM0.416 million recorded in 2004 against the unrealised gain of RM0.019 million recorded in 2003.



Kenyataan Pengerusi *Chairman's Statement*

Jumlah perbelanjaan untuk tahun 2004 adalah sebanyak RM6.6 juta, mewakili penurunan sebanyak 4.3% daripada RM6.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pendapatan sebelum cukai pada tahun dalam tinjauan adalah berjumlah RM5.63 juta berbanding RM5.69 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya, mewakili penurunan marginal sebanyak RM0.06 juta atau 1.1%.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

Lembaga Pengarah dan Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad, telah meluluskan pengagihan pendapatan kasar sebanyak 5 sen seunit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. Pengagihan pendapatan kasar sebanyak 2.5% atau 2.5 sen seunit untuk jangkamasa 1 Januari 2004 hingga 30 Jun 2004, telah dibayar pada 30 Ogos 2004, dan pengagihan pendapatan kasar sebanyak 2.5% atau 2.5 sen seunit untuk jangkamasa dari 1 Julai 2004 hingga 31 Disember 2004, akan dibayar pada 28 Februari 2005. Pengagihan pendapatan kasar untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, adalah sebanyak RM5 juta.

PORTFOLIO PELABURAN AHP

Nilai pelaburan AHP pada 31 Disember 2004, berjumlah RM135.8 juta. Jumlah ini merangkumi pelaburan dalam hartanah berasaskan nilai buku sebanyak RM126.5 juta, pelaburan dalam saham disebut-harga pada nilai pasaran sebanyak RM2 juta dan pelaburan jangka pendek berjumlah RM7.3 juta.

PELABURAN DALAM HARTANAH

Pada 31 Disember 2004, hartanah dalam portfolio AHP kekal pada jumlah 14 hartanah. Plaza IBM yang terletak di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, mengekalkan kadar penghunian 100%. Bangunan AHP yang juga terletak di lokasi yang sama, juga merekodkan kadar penghunian yang tinggi melebihi 85% di sepanjang tahun 2004. Sebuah lagi bangunan pejabat empat-tingkat yang dikenali sebagai Sri Impian yang terletak di Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur, juga mencatatkan kadar penghunian 100%.

Pada 31 Disember 2004, sebelas hartanah yang lain merangkumi rumah kedai mengekalkan kadar penghunian penuh kecuali dua unit rumah kedai yang mempunyai tahap penghunian purata 70%.

The total expenditure for 2004 was RM6.6 million, representing a decrease of 4.3% from RM6.9 million as recorded in the previous year. The income before taxation for the year under review was RM5.63 million as compared with RM5.69 million recorded in the previous year, this representing a marginal decrease of RM0.06 million or 1.1%.

DISTRIBUTION OF INCOME

The Board of Directors and the Trustee, Amanah Raya Berhad, have approved a total gross income distribution of 5 sen a unit for the financial year ended December 31, 2004. A gross income distribution of 2.5% or 2.5 sen a unit for the period from January 1, 2004, to June 30, 2004, was paid on August 30, 2004, and a gross distribution of 2.5% or 2.5 sen a unit for the period from July 1, 2004, to December 31, 2004, is payable on February 28, 2005. The gross income distribution for the financial year ended December 31, 2004, will amount to RM5 million.

INVESTMENT PORTFOLIO OF AHP

The value of the investment of AHP as at December 31, 2004, amounted to RM135.8 million. This comprises investment in properties at book value of RM126.5 million, investment in quoted shares at market value of RM2 million and short-term investment of RM7.3 million.

INVESTMENT IN PROPERTY

As at December 31, 2004, the properties in the portfolio of AHP remained at 14 properties. Plaza IBM, located in Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur continued to register occupancy level of 100%. Bangunan AHP, also located within the same vicinity, also recorded high occupancy level of above 85% throughout most of 2004. Another four-storey office building known as Sri Impian, located in Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur, also recorded an occupancy rate of 100%.

As at December 31, 2004, the remaining eleven properties, comprising shop premises, had maintained full occupancy rates with the exception of two shop premises which had an average occupancy level of 70%.

Kenyataan Pengerusi *Chairman's Statement*

TINJAUAN PASARAN HARTANAH

Bagi tempoh sembilan bulan pertama sepanjang tahun ini, ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.6% seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam laporannya "Ekonomi Malaysia Sepintas Lalu". Sejajar dengan perkembangan positif ekonomi yang dibantu oleh polisi kerajaan yang memberansangkan, pakej pembiayaan yang menarik dan peningkatan kadar keyakinan pengguna, pasaran hartanah terus berkembang maju dengan peningkatan aktiviti-aktiviti sub-sektor berkaitan dengan hartanah.

Selaras dengan prestasi keseluruhan pasaran hartanah yang memberansangkan, prestasi sektor pejabat turut meningkat sebagaimana yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam kadar penghunian yang direkodkan dalam tempoh berkenaan. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia, dalam "Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2004", melaporkan bahawa keseluruhan penghunian untuk pejabat yang dibina khas telah meningkat sebanyak 1.3% kepada 81.7% berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun lepas. Walaupun terdapat peningkatan, kadar sewa masih stabil.

PROSPEK

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia telah meramalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 5.7% bagi tahun 2005. Berikutan jangkaan ekonomi Malaysia yang stabil, prospek pasaran hartanah, secara amnya, dijangka kekal positif. Pasaran pejabat dijangka akan kekal berdayasaing selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan keyakinan perniagaan.

Untuk tahun 2005, AHP dijangka mengekalkan tahap penghunian pada 95% berdasarkan lokasi hartanah yang baik, penyewa berkualiti dan kadar sewaan yang berdayasaing.

PERKEMBANGAN TERBARU DALAM INDUSTRI TABUNG AMANAH HARTANAH

Dalam usaha mempromosikan perkembangan tabung amanah hartanah, Kerajaan, melalui pengumuman Belanjawan 2005, telah bercadang untuk menggunapakai rejim percukaaian telus untuk industri amanah hartanah. Dibawah rejim percukaaian telus yang baru, pendapatan yang diagihkan kepada pemegang-pemegang unit akan dikecualikan dari cukai pendapatan pada peringkat tabung amanah. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang unit akan dikenakan cukai pada kadar cukai masing-masing untuk pendapatan yang diagihkan ini. Insentif

REVIEW OF THE PROPERTY MARKET

For the first nine months of the year under review, the Malaysian economy has registered a growth rate of 7.6% as reported by the Department of Statistics, Malaysia, in its report, "The Malaysian Economy in Brief". In tandem with the positive growth of the economy which was assisted by good government stimulus policies, attractive financing packages and improved consumer confidence, the property market continued to perform well with increase in activities of all sub-sectors of the property.

In line with the robust performance of the overall property market, the office sector has improved further as witnessed by the overall improvement in the occupancy rate recorded during the period. The Valuation and Property Services Department, Ministry of Finance, Malaysia, in its "Property Market Report First Half 2004" has reported that the overall occupancy of purpose-built offices has increased by 1.3% to 81.7% against the same period of the preceding year. Despite the improvement, the rental rates, however, remained stable.

PROSPECTS

The Malaysian Institute of Economic Research has forecasted a growth in national Gross Domestic Product of 5.7% for 2005. As the Malaysian economy is anticipated to continue to be stable, the prospect of the property market, in general, remains positive. The office market is expected to remain competitive in line with the economic growth and improved business confidence.

For 2005, AHP is expected to maintain its high occupancy level of 95% due to its well located properties, quality tenants and competitive rental rates.

RECENT DEVELOPMENT IN THE PROPERTY TRUST FUND INDUSTRY

In an effort to further promote the development of the property trust funds in Malaysia, the Government, as announced in the national Budget 2005, has proposed to implement the tax transparency regime for the property trust industry. Under the new tax transparency regime, income distributed to the unitholders by the trust will be exempted from income tax at the trust level. However, the unitholders will be taxed at their respective tax rates on the income distributed. This additional incentive follows the earlier incentives as announced in the national Budget 2004,



Kenyataan Pengerusi *Chairman's Statement*

tambahan ini adalah lanjutan daripada insentif terdahulu yang diumumkan ketika Belanjawan 2004, dimana cukai keuntungan harta tanah dan cukai setem adalah dikecualikan bagi semua pindahmilik hartanah kepada tabung amanah hartanah.

Seterusnya, dalam usaha Kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan dan penubuhan amanah pelaburan hartanah yang berdayasaing dan utuh, pihak Suruhanjaya Sekuriti, pada 3 Januari 2005, telah memperkenalkan "Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah" yang baru untuk menggantikan "Garis Panduan Tabung Amanah Harta Tanah" yang telah dikeluarkan pada 13 November 2002.

Penamaan semula "Tabung Amanah Harta Tanah" kepada "Amanah Pelaburan Hartanah" atau "REITs", terma yang digunakan secara meluas diperingkat antarabangsa, adalah bertujuan untuk menarik peserta-peserta baru dan meningkatkan kesedaran dikalangan peserta industri dan pemilik/pemaju hartanah dalam menubuhkan "REIT". Ia juga akan membantu meningkatkan kedudukan Malaysia dalam industri pengurusan pelaburan diperingkat antarabangsa.

Disebalik penamaan semula "Tabung Amanah Harta Tanah" kepada "REITs", PHNB berbangga kerana AHP merupakan salah satu tabung amanah harta tanah yang pertama ditubuhkan, bukan sahaja dalam negara malahan juga diperingkat Asia semenjak tahun 1989. Dengan pengalaman didalam menguruskan dua tabung amanah harta tanah sudah tentu memberi PHNB kedudukan yang baik untuk mengambil peluang-peluang di dalam aktiviti "REITs" yang sememangnya ditunggu-tunggu.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah PHNB diatas sokongan mereka yang berterusan disepanjang tahun. Bagi pihak Lembaga Pengarah PHNB, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua kakitangan PHNB dan PNB Property Management Sdn. Berhad atas dedikasi dan ketekunan mereka. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Amanah Raya Berhad dan kakitangannya atas sumbangan mereka terhadap AHP. Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pemegang-pemegang unit AHP atas sokongan mereka yang berterusan terhadap AHP.

whereby exemptions on real property gain tax and stamp duty are given on transfer of properties to property trust funds.

Further, as part of the Government efforts to accelerate the growth and establishing a vibrant and competitive real estate investment trust, the Securities Commission released on January 3, 2005, the new "Guidelines on Real Estate Investment Trusts" (REITs Guidelines) to supersede the earlier "Guidelines on Property Trust Funds" which were issued on November 13, 2002.

The re-branding of "Property Trust Funds" as "Real Estate Investment Trusts" or "REITs", a globally adopted term to describe a fund that invests in real estate, is aimed at attracting new players and enhancing awareness amongst local industry players and property owners/developers in establishing a REIT. It will also assist in enhancing the position of Malaysia's investment management industry, globally.

Despite the re-branding of the name "Property Trust Funds" to "REITs", PHNB is proud that AHP was among the first property trust funds to be established, not only in the country but also in the Asian region way back in 1989. The experience in managing the two property trust funds will certainly provides PHNB with an opportunity to take advantage of the much anticipated "REITs".

APPRECIATION

I would like to convey my appreciation to members of the Board of Directors of PHNB for their continuous support throughout the year. On behalf of the members of the Board of Directors of PHNB, I would also like to convey our appreciation to all staff members of PHNB and PNB Property Management Sdn. Berhad for their hardwork and dedication. I also thank Amanah Raya Berhad and its staff members for their contribution to AHP. I express our appreciation to the unitholders of AHP for their continued support of AHP.

TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Pengerusi/ *Chairman*

Penyata Butir-Butir Pengarah Syarikat Pengurusan

Statement of Particulars of Directors of The Management Company

REKOD KEDATANGAN LEMBAGA PENGARAH

The Board of Directors' Attendance Record

Pengarah <i>Director</i>	Kedatangan Lembaga Pengarah Pada Mesyuarat Yang Dijalankan Pada <i>Attendance at Board of Directors' Meeting held on</i>						Tarikh Perlantikan <i>Date of Appointment</i>	Tarikh Perletakan Jawatan <i>Date of Resignation</i>
	28.01.2004	15.03.2004	29.04.2004	5.08.2004	29.10.2004	23.12.2004		
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid	√	√	√	√	√	√	22.01.1997	T/B
Tan Sri Geh Ik Cheong	•	√	√	•	•	•	11.04.1990	T/B
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman	√	√	•	√	•	√	24.06.1998	T/B
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil	√	√	√	√	√	•	12.11.1998	T/B
Dato' Abd. Wahab bin Maskan	√	•	√	√	√	√	17.09.1990	T/B
Dato' Mohammed Hussein	√	√	√	√	√	√	14.11.2002	T/B
Mohamed Rahim bin Ismail	√	√	√	√	√	√	01.01.2004	T/B

T/B - Tidak berkenaan / *Not Applicable*

√ - Hadir / *Present*

• - Tidak Hadir Dengan Maaf / *Absent with apologies*

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

Other Information

(i) Hubungan
Relationship

Tiada hubungan kekeluargaan di antara Pengarah-pengarah dan/atau pemegang-pemegang unit utama.
There were no family relationship among the Directors and/or major unitholders.



Penyata Butir-Butir Pengarah Syarikat Pengurusan *Statement of Particulars of Directors of The Management Company*

(ii) Percanggahan Kepentingan
Conflict of Interest

Selain daripada Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil yang memegang sebanyak 12,000 unit dalam AHP pada 31 Disember, 2004, tiada Pengarah-pengarah lain yang mempunyai percanggahan kepentingan dengan AHP.

Except for Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil who owned 12,000 units in AHP as at December 31, 2004, none of the other Directors have any conflict of interest with AHP.

(iii) Sabitan Kesalahan
Conviction for Offences

Pada jangkamasa sepuluh (10) tahun yang lepas, tiada Pengarah-pengarah yang disabitkan dengan kesalahan selain daripada kesalahan lalulintas.

None of the Directors has been convicted for any offences other than traffic offences within the past ten (10) years.

(iv) Jawatankuasa Lembaga
Board Committee

Lembaga Pengarah syarikat pengurusan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Hartanah untuk membantu pihak Lembaga Pengarah menunaikan tugas-tugasnya. Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli luar seperti berikut:-

The Board of Directors of the management company has established a Property Investment Committee to assist the Board in discharging its duties. Members of the Property Investment Committee comprise of members from the Board of Directors as well as external members, who are as follows:-

Ahli/Member	Kedatangan/Attendance
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil (Pengerusi/Chairman)	1/1
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman	1/1
Professor Dato' Dr Nik Mohd Zain bin Haji Nik Yusof	1/1
Dato' Johan bin Ariffin	1/1
Encik Ir. Jamaluddin bin Osman	1/1

Tiada jawatankuasa lembaga lain yang ditubuhkan oleh syarikat pengurusan. Walaubagaimanapun, penyata kewangan AHP telah dibentangkan ke Jawatankuasa Audit Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebagai syarikat induk kepada syarikat pengurusan. Tiada ahli Jawatankuasa Audit PNB yang menjadi pengarah kepada syarikat pengurusan.

There were no other board committee established by the management company. However, the financial statements of AHP were presented to the Audit Committee of Permodalan Nasional Berhad (PNB), being the holding company of the management company. None of the members of the Audit Committee of PNB were the directors of the management company.

Penyata Butir-Butir Pengarah Syarikat Pengurusan

Statement of Particulars of Directors of The Management Company

(v) Pengarah di Lain-lain Syarikat Awam
Other Directorship of Public Companies

Pengarah/ <i>Director</i>	Syarikat/ <i>Companies</i>
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid	(1) MNI Holdings Berhad (2) Sime Darby Berhad (3) Golden Hope Plantations Berhad (4) Petaling Garden Berhad (5) Permodalan Nasional Berhad (6) Amanah Saham Nasional Berhad (7) Pengurusan Pelaburan ASN Berhad (8) Pengurusan Pelaburan ASW 2020 Berhad (9) NCB Holdings Berhad (10) The International Commonwealth University of Malaysia Berhad
Tan Sri Geh Ik Cheong	(1) Permodalan Nasional Berhad (2) Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad
Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman	(1) MNI Holdings Berhad (2) Permodalan Nasional Berhad (3) Amanah Saham Nasional Berhad (4) Pengurusan Pelaburan ASN Berhad (5) Pengurusan Pelaburan ASW 2020 Berhad (6) Titan Chemical Corp. Berhad
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil	(1) Chemical Company of Malaysia Berhad
Dato' Abd. Wahab bin Maskan	(1) Kumpulan Guthrie Berhad (2) Highlands & Lowlands Berhad (3) Guthrie Ropel Berhad (4) Guthrie Property Development Holding Berhad (5) Harvard Golf Resort (Jerai) Berhad (6) Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
Dato' Mohammed Hussein	(1) Malayan Banking Berhad (2) Mayban Allied-Berhad (3) Aseambankers Malaysia Berhad
Mohamed Rahim bin Ismail	Tiada / <i>None</i>



Profil Pengarah-Pengarah Syarikat Pengurusan *Profile of Directors Of The Management Company*

TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID (Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, seorang warganegara Malaysia berumur 66 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 22 Januari 1997, selaku kedudukan beliau sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sebelum perantukan beliau sebagai Pengerusi PNB, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Negara. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 35 tahun dalam perkhidmatan awam.

Beliau telah dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah untuk tahun hijrah 1420 (1999) dan diberi anugerah "Director of the Year" oleh Malaysian Institute of Directors pada tahun 1999. Beliau adalah Presiden, Commonwealth Association for Public Administration and Management dari tahun 1996 ke tahun 1998. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji juga mewakili Kumpulan PNB sebagai Pengerusi di beberapa syarikat lain.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji adalah lulusan daripada Universiti Malaya pada tahun 1960. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institute of Social Studies, The Hague, Belanda. Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Sains Kedoktoran (Pengurusan) oleh Universiti Utara Malaysia, Doktor Kehormat Pentadbiran Perniagaan oleh Nottingham-Trent University, United Kingdom, dan Doktor Persuratan oleh Universiti Malaysia Sarawak.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji juga adalah Presiden untuk pertubuhan-pertubuhan berikut:

- (i) Persekutuan Boling Padang Malaysia
- (ii) Badan Warisan Malaysia (National Heritage Trust)

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji adalah Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia, ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pusat Pengajian Islam, Oxford, dan Asian Institute of Management, Manila, Filipina, dan Pengarah bersama, Malaysian Centre for Commonwealth Studies, University of Cambridge, United Kingdom.

TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID (Non-Independent Non-Executive Chairman)

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, aged 66, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on January 22, 1997, by virtue of his position as the Chairman of Permodalan Nasional Berhad (PNB). Prior to his appointment as the Chairman of PNB, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji was the Chief Secretary to the Government. He had more than 35 years of experience in the public service.

He was selected as the "Tokoh Maal Hijrah" for the Islamic year 1420 (1999) and was conferred Director of the Year Award by the Malaysian Institute of Directors in 1999. He was President, Commonwealth Association for Public Administration and Management from 1996 to 1998. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji also represents the PNB Group as Chairman of several companies.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji graduated from the University of Malaya in 1960. He also holds a Masters Degree in Public Administration from Harvard University, the United States of America and a Diploma in Public Administration from the Institute of Social Studies, The Hague, Netherlands. He was conferred the Honorary Degree of Doctor of Science (Management) by Universiti Utara Malaysia, Honorary Doctor of Business Administration by the Nottingham-Trent University, the United Kingdom, and Doctor of Letters by the University of Malaysia Sarawak.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji is also President of the following organisations:

- (i) Malaysian Lawn Bowls Federation*
- (ii) Badan Warisan Malaysia (National Heritage Trust)*

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji is Chairman of the Institute of Islamic Understanding Malaysia, a member of the Board of Trustees, Oxford Centre for Islamic Studies and the Asian Institute of Management, Manila, the Philippines, and joint Director, Malaysia Centre for Commonwealth Studies, University of Cambridge, the United Kingdom.

Profil Pengarah-Pengarah Syarikat Pengurusan

Profile of Directors Of The Management Company

TAN SRI GEH IK CHEONG (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Tan Sri Geh Ik Cheong, seorang warganegara Malaysia berumur 80 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 11 April 1990. Beliau adalah ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pelaburan Bumiputra semenjak penubuhannya pada tahun 1978. Tan Sri Geh juga adalah Pengarah PNB dan beberapa syarikat lain.

TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman, seorang warganegara Malaysia berumur 53 tahun, dilantik sebagai pengarah PHNB pada 24 Jun 1998, lanjutan daripada perlantikan beliau sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PNB pada bulan Februari 1998. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah berkhidmat dengan PNB semenjak tahun 1979. Sebelum dilantik ke jawatan sekarang, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah memegang beberapa jawatan kanan di PNB. Pada 26 Februari 2002, beliau telah dilantik sebagai Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah adalah "Fellow" kepada Securities Institute of Australia (FSIA). Beliau juga mewakili Kumpulan PNB sebagai pengarah di beberapa syarikat lain.

DATO' SERI MOHD. HUSSAINI BIN HAJI ABDUL JAMIL (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil, seorang warganegara Malaysia berumur 68 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 12 November 1998. Dato' Seri Mohd. Hussaini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1960 dan mendapat Diploma Lيسان Ijazah dalam bidang Perancangan Pembangunan dari University of London, United Kingdom, pada tahun 1973.

TAN SRI GEH IK CHEONG (*Independent Non-Executive Director*)

Tan Sri Geh Ik Cheong, aged 80, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on April 11, 1990. He has been a member of the Board of Trustees of Yayasan Pelaburan Bumiputra since its inception in 1978. Tan Sri Geh is also a Director of PNB and several other companies.

TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN (*Non-Independent Executive Director*)

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman, aged 53, a Malaysian, was appointed as a Director of PHNB on June 24, 1998, following his appointment as the Group Chief Executive of PNB in February 1998. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah has been with PNB since 1979. Prior to his present appointment, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah held various senior positions at PNB. On February 26, 2002, he was appointed as the President/Group Chief Executive of PNB.

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah is a Fellow of the Securities Institute of Australia (FSIA). Presently, he represents the PNB Group as Director of several other companies.

DATO' SERI MOHD. HUSSAINI BIN HAJI ABDUL JAMIL (*Independent Non-Executive Director*)

Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil, aged 68, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on November 12, 1998. Dato' Seri Mohd. Hussaini graduated with a Bachelor of Arts (Hons) Degree from University of Malaya in 1960 and obtained a Post Graduate Diploma in Development Planning from the University of London, the United Kingdom in 1973.



Profil Pengarah-Pengarah Syarikat Pengurusan *Profile of Directors Of The Management Company*

Sepanjang pengalaman beliau selama 30 tahun di dalam perkhidmatan awam, beliau telah menjawat beberapa jawatan kanan. Pada tahun 1982, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan sehingga beliau bersara pada tahun 1991. Dato' Seri Mohd. Hussaini juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat lain.

DATO' ABD. WAHAB BIN MASKAN **(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)**

Dato' Abd. Wahab, seorang warganegara Malaysia berumur 54 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 17 September 1990.

Dato' Abd. Wahab adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Guthrie Berhad. Sebelum ini, Dato' Abd. Wahab pernah memegang beberapa jawatan pengurusan tertinggi dan menjawat jawatan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan disektor-sektor awam dan swasta. Sebelum dilantik kejawatan sekarang, beliau adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Golden Hope Plantations Berhad. Pengalaman kerja beliau meliputi bidang-bidang pembangunan hartanah dan pelaburan, kejuruteraan dan pembinaan, pengurusan harta dan perladangan, perdagangan dan pemasaran, dan syarikat-syarikat perkilangan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

Dato' Abd. Wahab memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan (Hartanah) dari University of Reading, England. Beliau juga merupakan seorang "Fellow" kepada Pertubuhan Juruukur Malaysia dan "Royal Institution of Chartered Surveyors (England and UK)".

Beliau juga memegang beberapa jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif atau Pengerusi kepada beberapa syarikat-syarikat tempatan dan luar negara di Kesatuan Eropah dan Asia termasuk dibeberapa syarikat awam tersenarai. Dato' Abd. Wahab juga merupakan ahli Lembaga Pengarah kepada syarikat tersenarai Highlands & Lowlands Berhad, Guthrie Ropel Berhad dan beberapa syarikat tidak tersenarai di Malaysia, Indonesia dan Thailand.

During his more than 30 years in Government service, he has occupied various senior positions. In 1982, he was appointed as the Deputy Secretary-General of the Treasury of Malaysia. In 1990 he was appointed as Secretary-General of the Ministry of Health until his retirement in 1991. Dato' Seri Mohd. Hussaini is also currently a Director of several other companies.

DATO' ABD. WAHAB BIN MASKAN **(Independent Non-Executive Director)**

Dato' Abd. Wahab, aged 54, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on 17 September 1990.

Dato' Abd. Wahab is the Group Chief Executive Officer of Kumpulan Guthrie Berhad. In the past, Dato' Abd. Wahab had held top management and Chief Executive/Managing Director positions in public and private sectors. He was the Executive Director and Group Chief Executive Officer of Golden Hope Plantations Berhad prior to his current position. His working experience includes property development and investment, engineering and construction, assets and plantation management, trading and marketing, and manufacturing companies, both in the public and private sectors.

Dato' Abd. Wahab holds a Bachelor of Science Degree in Management (Real Estate) from the University of Reading, England. He is a Fellow of the Institution of Surveyors (Malaysia) and a Fellow of the Royal Institution of Chartered Surveyors (England and UK).

He has also held position as Non-Executive Director or Chairman of a number of local and overseas companies in Europe Union and Asia including public listed companies. Dato' Abd. Wahab also sits on the Boards of listed Highlands & Lowlands Berhad, Guthrie Ropel Berhad and some non-listed companies in Malaysia, Indonesia and Thailand.

Profil Pengarah-Pengarah Syarikat Pengurusan

Profile of Directors Of The Management Company

DATO' MOHAMMED HUSSEIN **(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)**

Dato' Mohammed Hussein, seorang warganegara Malaysia berumur 54 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 14 November, 2002. Dato' Mohammed berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of Newcastle, New South Wales, Australia pada tahun 1972. Dato' Mohammed Hussein juga merupakan ahli alumni Harvard Business School Advanced Programme (2003).

Antara jawatan yang pernah disandang beliau ialah Pengarah Urusan di Aseambankers Malaysia Berhad dari tahun 1996 hingga tahun 2000 dan Pengurus Besar Kanan, Operasi di Malaysia, Malayan Banking Berhad (Maybank) dari tahun 1994 hingga tahun 1996. Buat masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden di Maybank, jawatan yang disandang semenjak tahun 2000. Beliau juga menjadi ahli Lembaga Pengarah Maybank dan di beberapa syarikat dalam Kumpulan Maybank.

ENCIK MOHAMED RAHIM BIN ISMAIL **(Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)**

Encik Mohamed Rahim bin Ismail, seorang warganegara Malaysia berumur 56 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 1 Januari 2004. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif PHNB.

Encik Mohamed Rahim mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Jurukur Bahan dan beliau juga adalah Juruukur Bahan yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan ahli Pertubuhan Juruukur Malaysia. Sebelum ini beliau bersama Permodalan Nasional Berhad sebagai Naib Presiden I/Konsultan, Bahagian Harta; dan sebelum itu sebagai Pengarah Hartanah, Kumpulan Guthrie Berhad; Pengarah Urusan, Damansara Impian Sdn. Berhad dan MK Associates Sdn. Berhad.

DATO' MOHAMMED HUSSEIN ***(Non-Independent Non-Executive Director)***

Dato' Mohammed Hussein, aged 54, a Malaysian was appointed to the Board of Directors of PHNB on November 14, 2002. Dato' Mohammed graduated with a Bachelor of Commerce (Accounting) from the University of Newcastle, New South Wales, Australia in 1972. Dato' Mohammed Hussein is also an alumni of the Harvard Business School Advanced Management Programme (2003).

His previous positions included being the Managing Director, Aseambankers Malaysia Berhad, from 1996 to the year 2000, and the Senior General Manager, Malaysians Operations, Malayan Banking Berhad (Maybank), from 1994 to 1996. Currently, he is the Deputy President of Maybank, a post he has held since the year 2000. He is also a director of Maybank and several other companies within the Maybank Group.

ENCIK MOHAMED RAHIM BIN ISMAIL ***(Non-Independent Executive Director)***

Encik Mohamed Rahim bin Ismail, aged 56, a Malaysian, was appointed as a Director of PHNB on January 1, 2004. He also serves as Chief Executive Officer of PHNB.

Encik Mohamed Rahim obtained Bachelor of Science in Quantity Surveying and he is also a registered Quantity Surveyor with the Board of Quantity Surveyors Malaysia and a member of the Institution of Surveyors Malaysia. He was formerly with Permodalan Nasional Berhad as Vice President I/Consultant, Property Division; and prior to that as Director Properties, Kumpulan Guthrie Berhad; Managing Director of Damansara Impian Sdn. Berhad and MK Associates Sdn. Berhad.



Data Prestasi

Performance Data

RUMUSAN PRESTASI

Performance Highlights

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember <i>Financial Year Ended December 31</i>	2004	2003	2002	2001	2000
Nilai Aset Bersih (RM'000) <i>Net Asset Value (RM'000)</i>	127,072	126,573	126,289	127,283	136,861
Nilai Aset Bersih Seunit (sen) <i>Net Asset Value A Unit (sen)</i>	127.07	126.57	126.29	127.28	136.86
Unit Dalam Edaran ('000) <i>Units In Circulation ('000)</i>	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
Harga Seunit Tertinggi Yang Diniagakan (sen) <i>Highest Traded Price A Unit (sen)</i>	70	75	83	81	152
Harga Seunit Terendah Yang Diniagakan (sen) <i>Lowest Traded Price A Unit (sen)</i>	63	60	64	60	75
Jumlah Pulangan <i>Total Return (%)</i>	7.46	2.99	6.62	(2.64)	(28.70)
- Pulangan Modal <i>Capital Return (%)</i>	-	(4.48)	(1.47)	(10.53)	(33.91)
- Pulangan Pendapatan <i>Income Return (%)</i>	7.46	7.81	8.21	8.82	7.89
Pengagihan Kepada Pemegang-Pemegang Unit (RM'000) <i>Distribution to Unitholders (RM'000)</i>	3,654	3,677	4,649	4,830	4,842
Pengagihan Pendapatan Kasar Seunit (sen) <i>Gross Income Distribution A Unit (sen)</i>	5.00	5.00	5.50	6.00	6.00
Pengagihan Pendapatan Bersih Seunit (sen) <i>Net Distribution A Unit (sen)</i>	3.65	3.68	4.65	4.83	4.84
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <i>Management Expense Ratio (%)</i>	1.54	1.72	1.64	1.77	1.83
Pusingan Ganti Portfolio (kali) <i>Portfolio Turnover Ratio (times)</i>	0.36	0.15	0.18	0.12	0.05

PENGIRAAN PULANGAN

Computation of Return

Jumlah pulangan : (Pulangan pendapatan x Pulangan modal - 1) x 100

Total Return : $(Income\ return\ x\ Capital\ return - 1) \times 100$

Pulangan Modal : $\frac{(Harga\ pasaran\ akhir\ tahun) - 1 \times 100}{(Harga\ pasaran\ awal\ tahun)}$

Capital Return : $\frac{(End\ of\ year\ market\ price) - 1 \times 100}{(Beginning\ of\ year\ market\ price)}$

Pulangan Pendapatan : $\frac{Pengagihan\ pendapatan}{Harga\ pasaran\ akhir\ tahun}$

Income Return : $\frac{Income\ distribution}{End\ of\ year\ market\ price}$

PURATA PULANGAN TAHUNAN

Average Annual Return

	Satu Tahun <i>One Year</i> (%)	Dua Tahun <i>Two Years</i> (%)	Tiga Tahun <i>Three Years</i> (%)	Dari 1989 <i>Since 1989</i> (%)
AHP	7.46	5.20	5.67	3.44
KLCI	14.29	18.49	9.24	6.00
Property Index	(4.49)	15.13	6.14	(1.29)


Nota:- Prestasi masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan. Harga unit-unit dan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik.

Note:- Past performance is not necessarily indicative of future performance, unit prices and investment returns may fluctuate.


Komposisi Portfolio Pelaburan

Composition of Investment Portfolio


2004




2003





2002



2001



2000




Nota / *Notes :-* *Pelaburan dalam saham disebut harga / *Investment in quoted shares*



Pemegangan Unit dan Harga Pasaran

Unit Holdings and Market Price



Harga Pasaran

Market Price





Portfolio Hartanah Property Portfolio

Senarai Hartanah Pada 31 Disember 2004/ List of Real Properties as at December 31, 2004

Deskripsi Hartanah dan Lokasi Description of Property and Location	Tempoh Tenure	Usia Bangunan (tahun) Age of Building (years)	Ruang Sewa Bersih (kps.) Net Lettable Area (sq.ft)	Tarikh Pembelian Date of Acquisition	Kos Pembelian Cost of Acquisition (RM'000)	Tambah Addition (RM'000)	Kos Pembelian dan Tambah Cost of Acquisition and Additions (RM'000)	Nilaian Yang Diluluskan oleh SC pada 13.10.03 Valuation as Approved by the SC on 13.10.03 RM'000	Nilai Buku Bersih Net Book Value (RM'000)	Penambahan/ (kurangan) Dalam Penilaian Semula Revaluation Surplus/ (Deficit)		Kaedah Penilaian (Tarikh Penilaian) Method of Valuation (Date of Valuation)
										Nilaian Pada 2003 Valuation in 2003 (RM'000)	Nilaian Pada 2000 Valuation in 2000 (RM'000)	
